

10/01/2003

MCA menghargai pendirian Dr Mahathir

MELAKA: MCA menghargai pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung isu peletakan jawatan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai menteri Kabinet.

Naib Presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata Dr Mahathir tidak menerima peletakan jawatan itu kerana masih memerlukan khidmat Dr Ling dalam barisan Kabinet.

"Perdana Menteri sudah membuat pendirian yang amat jelas berhubung isu ini. MCA menghargai pendirian Dr Mahathir kerana tidak menerima peletakan jawatan Dr Ling.

"Nasihat Perdana Menteri supaya kurang berpolitik, sebaliknya memberi tumpuan terhadap pembangunan dan kesejahteraan rakyat perlu dipatuhi oleh semua parti politik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Perbadanan Perbandaran-Perbandaran Malaysia di sini, semalam.

Mesyuarat tiga hari itu disertai datuk bandar, yang dipertua majlis daerah/perbandaran dan pegawai kanan pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lokman Hakim Md Jasan dan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Wira Poh Ah Tiam.

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau belum membuat keputusan sama ada menerima atau menolak permintaan Dr Ling untuk meletak jawatan Kabinet.

Perdana Menteri berkata, beliau sedang memikirkan perkara itu dan akan membuat pengumuman apabila tiba masanya.

Ditanya jika Perdana Menteri membuat keputusan menerima peletakan jawatan Dr Ling, Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata Dr Mahathir sudah pun membuat keputusan mengenainya.

Menjawab pertanyaan lain, Ong berkata, akhbar berhak membuat spekulasi berhubung peletakan jawatan Dr Ling termasuk mengaitkan kegagalan beliau (Dr Ling) menyelesaikan beberapa isu membabitkan MCA dan masyarakat Cina antara faktor utama peletakan jawatannya.

"Saya sudah membaca semua akhbar semalam dan hanya ada satu akhbar yang membuat spekulasi seperti itu. Ia terserah kepada akhbar berkenaan mengenai kesahihannya," katanya.

Berita Harian dalam muka depannya melaporkan bantahan pendidik Cina terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik, isu dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) MCA di Pulau Pinang dan krisis dalaman parti itu yang berlarutan, dikatakan menyebabkan Dr Ling kecewa lalu mengambil keputusan berundur.